

14 NOVEMBER 2017

Tukang jubin dipenjara 10 tahun, 20 sebatan

Tukang jubin dipenjara 10 tahun, 20 sebatan

KUALA TERENGGANU - Angkara dadah, seorang tukang jubin dan mozek lantai dihukum penjara 10 tahun dan 20 sebatan selepas mengaku salah miliki bahan terlarang itu di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Keputusan dibuat Hakim Zainal Azman Ab Aziz sebaik pengakuan salah terhadap dua pertuduhan di bawah seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 direkodkan.

Tertuduh, Tang Song Song, 44, beralamat di Kota Tinggi, Johor mengaku melakukan kesalahan itu ketika ditahan di kediamannya di Felda Neram 1, Kemaman, tahun lalu.

Mengikut pertuduhan pertama, Tang Song Song didakwa memiliki dadah jenis methamphetamine seberat 75.79 gram yang mana tidak diberi kuasa sah ke atas pemilikan mengikut undang-undang di di kediamannya jam 3.30 pagi pada 25 Januari 2016.

Selain itu, tertuduh berdepan satu lagi pertuduhan iaitu memiliki dadah berbahaya jenis heroin seberat 9.68 gram dan monoacetylmorphines seberat 1.90 gram.

Dengan itu, tertuduh melakukan kesalahan di bawah seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) akta sama.

Ketika diberi peluang mengemuka-



Tan Song Song (tengah) dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan 20 sebatan setelah mengaku salah memiliki dadah, semalam.

kan rayuan, peguam bela merayu agar hukuman diringankan memandangkan tertuduh menghadapi penyakit kencing manis serta pernah diserang strok.

Selain itu, pihak peguam bela turut mengemukakan rayuan agar tertuduh ditempatkan di Penjara Penor, Pahang bagi memudahkan keluarganya melawat.

Katanya, tertuduh punyai tanggung-

an iaitu dua anak yang masih belajar dan tinggal di rumah sewa bersama isterinya di Kuantan.

Manakala ibu tertuduh meninggal dunia sementara ayahnya uzur dan tinggal bersama keluarga lain di Selangor.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Fadhi Mahmud manakala tertuduh diwakili peguam bela, Kumar Thangaraju.